

ANALISIS ASAS PERTIMBANGAN HAKIM BICARA TERHADAP SEKSYEN 83, ENAKMEN KELUARGA ISLAM (PERAK) 2004

Che Natheera Abdul Azizⁱ, Zul-kifli bin Hussinⁱⁱ, Ravindran Nadarajanⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author), Pelajar Pascasiswazah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah. Email: natheera@utar.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah. Email: zul-kifli@usas.edu.my

ⁱⁱⁱ Penolong Profesor, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Tunku Abdul Rahman. Email: ravindrann@utar.edu.my

ABSTRAK

Tatacara penghakiman di Mahkamah Syariah berkaitan dengan kes perebutan anak oleh pasangan bercerai agak berbeza dengan perundangan sivil. Walaupun kedua-duanya mementingkan soal kebajikan kanak-kanak, namun etika perundangan syariah lebih tertumpu kepada ikatan kekeluargaan dan faktor-faktor luaran yang boleh membatalkan seseorang daripada mendapatkan hak *hadhanah*. Secara umum, keputusan penghakiman yang dibuat kebanyakannya menuruti *precedent* (dulu megikat) sepertimana yang telah dinotakan sebelumnya. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan sistem *inquisitorial* dan pendekatan psikologi (*applied psychology*) dalam memutuskan soal kebajikan kanak-kanak dalam isu *hadhanah*. Dengan menggunakan reka bentuk kualitatif dan gabungan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur bersama hakim bicara Mahkamah Syariah dilihat memadai untuk memperolehi data yang lengkap. Data terkumpul seterusnya dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Dapatan kajian mendapati bahawa kaedah *inquisitorial* dalam mengendalikan kes-kes *hadhanah* lebih baik berbanding kaedah *adversarial* yang mana jelas mempunyai beberapa kekurangan di dalam sistem penghakiman. Penggunaan pendekatan psikologi ketika berdepan dengan kerumitan kes pula dilihat perlu dalam kes-kes yang dibicara di Mahkamah Syariah memandangkan para hakim bicara dilihat hanya mengolah bukti-bukti yang sedia ada tanpa sentuhan *applied psychology* (psikologi gunaan) yang mana lebih berkesan untuk mengatasi konflik berkaitan penjagaan anak seperti di negara lain. Kajian mencadangkan agar perbicaraan secara *inquisitorial* serta penggunaan pendekatan psikologi dijadikan asas utama dalam mengendalikan kes-kes *hadhanah* kerana ia dapat membantu para hakim bicara untuk lebih telus dan tepat dalam membuat keputusan.

Kata-kata kunci: *Adversarial, applied psychology, hadhanah, inquisitorial*

PENGENALAN

Isu hak penjagaan anak atau *hadhanah* sering dipertikaikan dalam kes perceraian yang melibatkan pasangan Islam di Malaysia. Seksyen 82 Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 memperuntukkan keutamaan kepada ibu untuk memperoleh hak penjagaan bagi anak yang belum mencapai umur *mumayyiz*. Antara faktor yang dipertimbangkan untuk perintah penjagaan ialah umur dan jantina kanak-kanak, keupayaan ibu bapa untuk menjaga kanak-kanak dari segi fizikal, emosi, pendidikan dan kebajikan lain. Seksyen 83 pula menggariskan beberapa kelayakan yang perlu ada pada seseorang penjaga. Antara kelayakan yang dipertimbangkan ialah faktor agama, umur, akhlak, kesempurnaan akal dan tempat tinggal penjaga tersebut. Sekiranya terdapat perkara berbangkit dalam hal-hal ini, maka hakim bicara mempunyai kuasa untuk meniadakan atau menarik balik hak penjagaan daripada pihak-pihak yang terlibat. Secara umum, hakim bicara dilihat menggunakan kaedah *adversarial* untuk menafsirkan dan mengaplikasikan Seksyen 83 ketika membuat keputusan mengenai hak *hadhanah* walaupun di dalam Arahan Amalan No.7 Tahun 2019, hakim telah diberi kuasa untuk menggunakan kaedah *inquisitorial* oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Dengan mengambil pendekatan kaedah *adversarial*, hakim bicara dilihat sebagai pemerhati yang hanya membuat keputusan berdasarkan hujah serta keterangan yang dikemukakan oleh pihak-pihak yang terlibat. Hakikatnya, kaedah ini dilihat meningkatkan konflik antara pihak-pihak yang lebih memikirkan kelemahan yang ada pada pihak lawan untuk mendapatkan hak jagaan tanpa memikirkan soal kebajikan anak-anak. Peguam yang mewakili pihak-pihak juga dilihat menggunakan strategi dan hujah-hujah teknikal yang memihak kepada klien mereka tanpa memberi pertimbangan kepada kebajikan kanak-kanak dalam erti kata yang sebenar. Berlainan dengan pendekatan kaedah *inquisitorial*, hakim memainkan peranan yang lebih aktif dalam proses mencari kebenaran dan menjalankan siasatan secara menyeluruh ke atas fakta-fakta kes yang dikemukakan oleh pihak-pihak tanpa terlalu bergantung kepada bukti-bukti yang di kemukakan. Hal ini kerana kaedah ini memerlukan siasatan yang mendalam yang mana dapat membantu hakim dalam membuat penilaian yang lebih baik dan teliti serta mengurangkan konflik yang wujud diantara pihak-pihak yang bertikai.

KAJIAN LITERATUR

Beberapa kajian lepas menunjukkan bahawa tafsiran undang-undang berkaitan *hadhanah* hanya bersandarkan kepada kes-kes *precedent* (dulu mengikat) yang menggunakan kaedah *adversarial*. Kaedah ini walaupun mempunyai beberapa kelebihan dalam sistem perundangan namun fokus hanya diberi pada bukti-bukti yang dikemukakan oleh pihak-pihak yang bertikai. Tiada penilaian penuh dibuat ke atas kebajikan kanak-kanak oleh hakim bicara ketika mengendalikan kes. Sebagai contoh, penilaian terhadap hubungan emosi antara ibu bapa dan anak serta penilaian kepada kesan jangkamasa panjang dan tumbesaran anak tidak dianalisis oleh mahkamah. Apabila ibu bapa berdebat untuk mencari kemenangan dalam hak penjagaan anak, kebanyakannya hanya menggunakan hujah-hujah yang memburukkan pihak lawan. Dalam hal ini, tanpa campur tangan hakim secara *inquisitorial*, maka ia secara tidak langsung memberi kesan negatif kepada kesejahteraan mental dan emosi kanak-kanak yang terpaksa berbelah bahagi dengan keputusan yang dibuat oleh hakim bicara pada pengakhiran kes. Kaedah *inquisitorial* memberi ruang kepada hakim untuk mengambil peranan aktif dalam memahami situasi keluarga dan keperluan anak. Hakim boleh menyoal pihak ibu bapa, guru, pakar psikologi, dan saksi lain untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh mengenai

keadaan anak. Sebagai contoh, pakar psikologi boleh dipanggil untuk memberikan kesaksian di mahkamah. Mereka akan menjelaskan hasil penilaian dan memberikan pandangan profesional mengenai keputusan yang patut diambil, menjadikan mereka sebagai sumber maklumat yang penting dalam proses perundangan (McMahon & Hahlweg, 2016).

Selain kaedah *inquisitorial*, di dalam kes hak penjagaan anak, di dapati bahawa penggunaan kaedah *applied psychology* (psikologi gunaan) juga amat berkesan untuk mencapai objektif perbicaraan. Penilaian oleh pakar psikologi dan laporan pakar memberikan pandangan yang mendalam tentang keadaan keluarga, membantu mahkamah memahami risiko dan keperluan kebajikan anak. (Gough & Thomas, 2016). Hal ini dapat memastikan bahawa setiap keputusan yang dibuat benar-benar berasaskan kepada kepentingan terbaik anak, bukan semata-mata berdasarkan hujah pihak yang bertelagah. Sebagai contoh, hakim dapat menilai dengan lebih mendalam aspek hubungan anak dengan ibu bapa, keadaan emosi, pendidikan, dan persekitaran sosial mereka. Kaedah ini memastikan bahawa keputusan yang diambil benar-benar selaras dengan kepentingan dan kebajikan anak dalam jangka panjang (Taylor, 2006). Dalam kes penjagaan anak, mahkamah perlu memastikan bahawa keputusan yang diambil adalah berasaskan kepada kepentingan terbaik anak (Bala & Macfarlane, 2007).

OBJEKTIF KAJIAN

Artikel ini bertujuan untuk:

- Menganalisis hujah-hujah hakim bicara berdasarkan Seksyen 83 Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 berkaitan isu *hadhanah*.
- Membincangkan implikasi keputusan tersebut kepada ibu bapa dan anak-anak.
- Mencadangkan kaedah perbicaraan yang lebih baik agar definisi kebajikan kanak-kanak dapat dicapai dengan lebih telus.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dan gabungan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur bersama hakim bicara Mahkamah Syariah untuk memperoleh data yang lengkap. Data terkumpul seterusnya dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Keputusan mahkamah dianalisis berdasarkan dokumen-dokumen penghakiman serta pandangan akademik berkaitan tafsiran undang-undang *hadhanah* dalam konteks perundangan Islam di Malaysia. Kajian juga membandingkan kes-kes di negeri lain untuk mendapatkan gambaran yang lebih holistik tentang bagaimana Seksyen 83 diaplikasikan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis Hujah Hakim Berdasarkan Seksyen 83 Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004

Faktor Agama

Dalam kes **Indira Gandhi Mutho v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors**, [2018] 1 MLJ 545, si bapa telah menukar agama anak-anaknya kepada Islam tanpa persetujuan ibu

mereka yang menganuti agama Hindu. Si ibu mengambil keputusan untuk mencabar tindakan si bapa di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah, serta memohon hak penjagaan terhadap anak-anaknya. Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa penukaran agama anak-anak di bawah umur memerlukan persetujuan kedua-dua ibu bapa dan tidak boleh hanya salah seorang sahaja. Memandangkan dalam kes ini, kanak-kanak tersebut masih dibawah umur, Mahkamah telah memutuskan untuk menyerahkan hak penjagaan kepada ibu di atas faktor kepentingan dan kebajikan anak-anak. Mahkamah menegaskan bahawa penukaran agama anak tidak boleh diubah tanpa kebenaran ibu. Tafsiran dan keputusan yang sama telah dibuat dalam kes **Subashini Rajasingam v. Saravanan Thangathoray** [2008] 2 MLJ 147, di mana di dalam kes ini, si bapa telah menukar agama anak kepada Islam setelah beliau sendiri telah mengambil *syahadah*. Ia berlaku tanpa pengetahuan dan persetujuan si ibu yang masih beragama Hindu. Si ibu telah mencabar penukaran agama anak dan memohon hak penjagaan mereka. Mahkamah memutuskan bahawa walaupun bapa telah memeluk Islam, hak penjagaan anak masih perlu diputuskan berdasarkan kebajikan terbaik anak. Agama anak tidak boleh ditukar tanpa persetujuan bersama. Dalam isu pertukaran agama oleh sebelah pihak, hakim bicara Mahkamah Syariah masih menekankan prinsip kebajikan anak sebagai faktor utama dalam menentukan siapa yang layak menjaga anak. Tidak menjadi penghalang kepada Mahkamah untuk memutuskan hak penjagaan kepada ibu atau bapa yang masih mengamalkan agama asal selain Islam. Dalam kes yang melibatkan agama, terdapat pertindihan antara bidangkuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah, terutamanya apabila salah satu pihak memeluk Islam, sementara perkahwinan asal adalah perkahwinan sivil.

Faktor Umur

Kematangan dan faktor umur ibu atau bapa juga sering diambil kira oleh mahkamah, terutamanya jika ibu atau bapa masih terlalu muda dan tidak mempunyai pengalaman atau kematangan yang mencukupi untuk menjaga anak dengan baik. Mahkamah akan mempertimbangkan sama ada ibu atau bapa tersebut mampu memenuhi keperluan anak, termasuk jaminan dari segi pendidikan, emosi, dan keselamatan. Sebagai contoh, di dalam kes **Siti Mariam binti Abdullah v. Mohd Sulaiman bin Zainal** (2017) 2 MLJ Syariah 180, si ibu yang bercerai muda di mana pada Ketika usia 16 tahun telah memohon hak penjagaan anak. Si bapa yang berumur 17 tahun telah berhujah dan berpendapat bahawa kedua-dua mereka tidak cukup matang dan berpengalaman untuk menjaga anak mereka. Daripada keterangan yang telah diberikan oleh kedua pihak, Mahkamah memutuskan bahawa kedua-dua ibu bapa tersebut tidak layak untuk menjaga anak kerana faktor umur yang terlalu muda. Oleh itu, Mahkamah telah memutuskan hak penjagaan diberikan kepada keluarga si ibu. Mahkamah juga mengarahkan keluarga si bapa untuk memberikan sokongan kewangan yang mencukupi. Manakala di dalam kes **Zainab binti Rahman v. Azmi bin Abdul Hamid** (2015) 3 JH 65, si ibu yang berumur 17 tahun telah memohon hak penjagaan anak perempuan yang berumur 2 tahun setelah bercerai dengan suaminya. Si bapa tidak bersetuju dan telah berhujah bahawa umur ibu masih terlalu muda dan ketidakmatangannya menyebabkan dia tidak layak untuk mendapat hak penjagaan anak yang masih kecil. Mahkamah telah memutuskan untuk menolak permohonan si ibu atas sebab tidak mempunyai sokongan yang cukup dan masih bergantung kepada keluarga untuk meneruskan hidup. Oleh yang demikian, Mahkamah telah memberikan hak penjagaan si bapa dan pada masa yang sama hak lawatan kepada ibu.

Faktor Akhlak

Dalam kes *hadhanah* yang melibatkan isu akhlak, Mahkamah akan meneliti bukti yang dikemukakan oleh pihak yang mendakwa keburukan akhlak yang dimiliki oleh pihak lawan. Kebiasaannya, isu akhlak akan dibuktikan dengan kepilang gambar, perlakuan ketika di rumah atau di tempat-tempat awam serta rujukan saksi seperti ahli keluarga terdekat, rakan, jiran ataupun sesiapa yang menyaksikan sesuatu perbuatan yang didakwa itu. Sekiranya dakwaan mengenai akhlak tidak dapat dibuktikan dengan kukuh, kebiasaannya Mahkamah akan memihak kepada pihak yang telah diberikan hak *hadhanah*, dengan mengambil kira kebajikan dan kepentingan anak sebagai faktor utama. Sebagai contoh, di dalam kes **Ahmad Zaki bin Zakaria v. Halimah binti Mohd Nor** (2018) 2 MLJ Syariah 98, si bapa telah mencabar hak *hadhanah* yang diberikan kepada ibu dengan alasan bahawa ibu tidak berakhlak baik dan terlibat dalam pergaulan bebas. Namun, Mahkamah mengekalkan hak *hadhanah* yang sedia ada kepada ibu selepas mendapati tuduhan terhadap akhlaknya tidak disokong oleh bukti-bukti yang kukuh. Dalam kes **Hajah Mariam binti Abdullah v. Hajah Normah binti Zakaria** (2014) 5 JH 143, pula, si ibu memohon *hadhanah*, tetapi si ayah mempertikaikan kelayakan ibu dengan mendakwa bahawa dia terlibat dalam aktiviti yang tidak bermoral. Mahkamah terpaksa menolak dakwaan bapa yang mendakwa si ibu terlibat dalam aktiviti yang tidak bermoral dan disebabkan tiada bukti kukuh dan jelas yang menyokong tuduhan itu, Mahkamah menolak bantahan si bapa.

Faktor Kesempurnaan Akal

Ketidaksempurnaan akal merujuk kepada situasi di mana seseorang itu tidak mampu berfikir atau mengerti sesuatu perkara dan memerlukan pimpinan atau bantuan daripada orang lain. Ia adalah kerana kebarangkalian seseorang itu mengalami masalah kesihatan mental seperti insomnia, skizofrenia, bipolar, atau masalah kecelaruan emosi lain seperti obsesif-kompulsif, stress pascatrauma dan sebagainya. Kemurungan akibat daripada stres atau kesedihan yang berpanjangan juga boleh menyebabkan seseorang itu berada dalam keadaan mental yang tidak sempurna. Dalam kes *hadhanah*, Hakim bicara mempunyai kuasa untuk meniadakan atau membatalkan hak penjagaan anak ke atas pihak yang mempunyai masalah kesihatan mental sekiranya terdapat bukti yang kukuh. Kebiasaannya Hakim akan bersandarkan laporan daripada pakar psikiatri untuk menilai tahap ketidaksempurnaan akal dan bagaimana ia mempengaruhi keupayaan untuk menjalankan tanggungjawab mereka terhadap anak dan diri sendiri. Sebagai contoh, di dalam kes **Rafidah binti Abdullah vs. Ahmad bin Sulaiman** (Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, 2010), si ibu yang berstatus muallaf memohon hak penjagaan ke atas anak perempuannya selepas perceraian. Namun, si bapa membuat bantahan dan telah membangkitkan isu bahawa si ibu mempunyai masalah mental yang teruk, iaitu *bipolar disorder*, yang mengakibatkan ketidakstabilan emosi dan fizikal. Oleh yang demikian, si ibu tidak berupaya untuk menjaga anaknya akibat daripada penyakitnya itu. Hakim bicara telah merujuk kepada laporan perubatan yang mengesahkan keadaan mental ibu yang sering tidak stabil, selain laporan daripada pakar psikiatri dan pegawai kebajikan. Akhirnya, Mahkamah telah memutuskan bahawa hak penjagaan diserahkan kepada bapa atas alasan ibu tidak mampu menyediakan persekitaran yang stabil dan selamat untuk anak tersebut.

Faktor Persekitaran dan Tempat Tinggal

Bagi faktor persekitaran dan tempat tinggal, kebiasaannya Mahkamah akan mempertimbangkan sama ada persekitaran kediaman ibu dan ayah tersebut menyokong perkembangan moral, pendidikan, dan fizikal anak. Berdasarkan fakta, Mahkamah akan menilai sejauh mana tempat tinggal yang dicadangkan oleh pihak-pihak dalam kes *hadhanah* menjamin keselamatan, kesejahteraan dan perkembangan sendiri yang mencukupi untuk anak. Dalam kes **Rahim bin Kassim v. Zaiton binti Mohd Arif** (2017) 3 MLJ Syariah 88, si bapa telah membantah hak penjagaan anak oleh si ibu dan mendakwa si ibu tinggal bersama rakan serumah yang sering terlibat dalam aktiviti sosial yang tidak baik dan persekitaran rumah tidak sesuai bagi perkembangan moral dan fizikal anak. Dengan bukti yang mencukupi, Mahkamah bersetuju bahawa persekitaran tempat tinggal si ibu tidak sesuai untuk anak kerana boleh mempengaruhi perkembangan moralnya. Oleh itu, hak *hadhanah* telah diberikan kepada bapa, yang tinggal di tempat yang lebih baik dan bersesuaian untuk anak. Penghakiman yang sama telah dibuat dalam kes **Jamilah binti Abu v. Jamaluddin bin Ahmad** (2015) 6 JH 340. Di dalam kes ini, si bapa memohon hak penjagaan anak dengan alasan bahawa tempat tinggal si ibu berada di kawasan pedalaman yang agak jauh daripada sekolah dan kemudahan kesihatan yang dikatakan akan menjejaskan pendidikan dan kesihatan anak. Mahkamah kemudiannya telah bersetuju untuk memberikan hak *hadhanah* kepada si bapa, memandangkan tempat tinggal si ibu yang jauh dan sukar untuk diakses. Ia didapati tidak sesuai untuk kebajikan anak, terutamanya dalam hal pendidikan dan penjagaan kesihatan.

Kelebihan Kaedah Inquisitorial dalam Kes Hadhanah

Maqasid syariah merujuk kepada objektif dan tujuan syariah Islam yang bertujuan untuk menjaga dan melindungi agama (al-din), nyawa (al-nafs), akal (al-'aql), keturunan (al-nasl), dan harta (al-mal) (Al-Qaradawi, 1999). Dalam konteks kes penjagaan anak, kaedah *inquisitorial* dilihat mempunyai beberapa kelebihan dan selari dengan maqasid syariah yang menekankan kepentingan untuk melindungi kesejahteraan, hak, dan masa depan kanak-kanak. Pendekatan kaedah *inquisitorial* membolehkan hakim bicara untuk bertindak secara proaktif apabila bukti atau fakta yang dikemukakan oleh pihak-pihak yang bertikai tidak sempurna. Hal ini dapat memastikan bahawa keputusan yang diambil adalah adil dan selaras dengan kepentingan dan kebajikan kanak-kanak sekaligus menyediakan ruang untuk mengurangkan konflik antara ibu bapa.

Fokus Terhadap Kebajikan Kanak-Kanak

Dalam kaedah *inquisitorial*, hakim mengambil peranan aktif dalam memahami situasi semasa keluarga dan keperluan emosi anak. Hakim boleh menyoal siasat beberapa pihak seperti ibu bapa, guru, pakar psikologi, saksi dan lain-lain untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh mengenai keadaan semasa anak. Ini untuk memastikan bahawa setiap keputusan yang dibuat oleh hakim benar-benar berasaskan kepada kebajikan terbaik anak, dan bukan semata-mata berdasarkan hujah pihak-pihak yang menuntut. Hal ini juga selaras dengan prinsip maqasid syariah yang menekankan kesejahteraan dan kebajikan anak dalam system kekeluargaan (Kamali, 2008). Dengan pendekatan kaedah *inquisitorial*, hakim dapat menilai dengan lebih

mendalam aspek hubungan anak dengan ibu bapa, keadaan emosi, pendidikan, dan persekitaran sosial mereka. Kaedah ini memastikan bahawa keputusan yang diambil benar-benar selaras dengan kepentingan dan kebajikan anak dalam jangka waktu yang panjang (Taylor, 2006).

Mengurangkan Konflik antara Pihak-Pihak

Konflik antara ibu bapa sering memberi kesan negatif kepada emosi serta perlakuan anak. Kaedah *inquisitorial* membantu mengurangkan jurang konflik antara pihak-pihak yang bertelingkah kerana hakim akan bertindak sebagai pihak yang neutral dan proaktif dalam mencari kebenaran, berbanding kaedah *adversarial* di mana pihak-pihak bertelagah perlu mengemukakan hujah masing-masing untuk memenangi kes. Apabila hakim mengendalikan proses perbicaraan dan penyiasatan dengan kaedah tersendiri, ia dapat pengurangan tekanan ke atas pihak-pihak terlibat yang terpaksa mencari kelemahan pihak lawan. Secara tidak langsung, ia dapat mengurangkan konflik dan mencapai penyelesaian yang lebih harmoni (Stone & Devenney, 2014).

Penyiasatan yang Menyeluruh dan Objektif

Apabila hakim berperanan menyiasat fakta-fakta kes secara mendalam dan menyeluruh, kebarangkalian pengumpulan maklumat yang lebih lengkap dan tepat dapat dicapai (Bassiouni, 1982). Dalam konteks pengendalian kes secara *inquisitorial*, hakim berkuasa untuk memanggil pakar seperti ahli psikologi kanak-kanak, doktor, atau guru untuk memberikan pandangan mereka mengenai kesejahteraan dan keperluan anak. Proses ini memastikan bahawa semua faktor yang relevan diambil kira sebelum keputusan dibuat demi menjamin purata keadilan dan ketelusan dalam proses perbicaraan. Berlainan dengan kaedah *adversarial*, hakim bicara hanya menumpu kepada perkara-perkara yang ingin dibincang oleh peguam dan pihak-pihak yang bertikai. Hal ini menjadikan objektif sebenar untuk mencapai keharmonian dalam soal penjagaan anak menjadi kurang efektif.

Mengelakkan Manipulasi dan Penyembunyian Fakta

Salah satu kelemahan kaedah *adversarial* ialah keupayaan pihak yang lebih berkemampuan dari segi kewangan atau peguam yang lebih berpengalaman untuk memanipulasi fakta kes. Berlainan dengan kaedah *inquisitorial*, hakim mempunyai kuasa untuk mengawal dan menyiasat kes secara lebih teliti. Hal ini dapat mematahkan cubaan menyembunyikan fakta atau memanipulasi proses perbicaraan oleh pihak-pihak yang bertikai mahupun peguam yang mewakili kes. Kaedah ini sekaligus dapat memastikan bahawa keputusan yang dibuat oleh hakim bicara adalah berdasarkan fakta yang sahih dan tepat, selaras dengan prinsip keadilan sepertimana kehendak maqasid syariah (Al-Qaradawi, 1999).

Proses Perbicaraan yang Lebih Cepat dan Efisien serta Pengurangan Kos

Dengan adanya kaedah *inquisitorial*, ia membolehkan hakim bicara mempercepatkan proses perbicaraan kerana tidak lagi perlu bergantung sepenuhnya kepada hujah dan bukti yang dibentangkan oleh pihak-pihak yang bertelagah. Dalam keadaan ini, hakim bicara boleh mendapatkan maklumat yang diperlukan secara langsung dengan menjalankan siasatan sendiri dengan memanggil saksi atau pakar yang relevan bagi menjadikan proses membuat keputusan lebih cepat dan efisien. Hal ini amat penting dalam kes penjagaan anak di mana keputusan yang

tepat dan cepat diperlukan untuk memastikan kebajikan kanak-kanak terjaga (Siddiqi, 1989). Proses perbicaraan secara kaedah *adversarial* boleh memberi kesan negatif kepada kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak yang terpaksa menunggu keputusan akhir mahkamah yang mengambil masa yang berpanjangan. Proses perbicaraan yang berpanjangan juga melibatkan kos yang tinggi dari segi yuran guaman dan kos-kos yang lain bagi pihak-pihak yang tidak berkemampuan.

Menghasilkan Keputusan yang Lebih Tepat dan Adil

Dengan penglibatan yang lebih aktif dalam proses perbicaraan secara kaedah inquisitorial, hakim bicara dapat membuat keputusan yang lebih tepat dan adil, kerana mempunyai pemahaman yang lebih menyeluruh mengenai kes tersebut. Ini memastikan bahawa keputusan yang diambil tidak hanya berpandukan kepada hujah peguam tetapi berdasarkan fakta dan kebenaran yang disiasat secara langsung oleh hakim bicara. Keputusan mahkamah dalam kes hadhanah di bawah Seksyen 83 memberi implikasi besar terhadap hak-hak ibu bapa dan juga kebajikan anak-anak. Pentafsiran undang-undang ini yang sering kali memihak kepada ibu sebagai penjaga utama, memerlukan lebih banyak kajian mendalam untuk memastikan ia benar-benar selari dengan prinsip yang membawa kepada kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak terbaik anak.

Penggunaan kaedah *Applied Psychology* dalam kes penjagaan anak

Dalam konteks sistem kehakiman di negara barat seperti United Kingdom, *applied psychology* atau psikologi gunaan, digunakan untuk membantu mahkamah dalam membuat keputusan yang lebih baik dan lebih telus dalam kes-kes penjagaan anak. *Applied psychology* didapati banyak menyumbang dalam meningkatkan keadilan perbicaraan dan dalam proses membuat keputusan. Peranan utama *applied psychology* adalah untuk menilai keterangan saksi dan bukti-bukti yang dikemukakan. Hakim diberi kuasa untuk memanggil pakar psikologi untuk memberi pandangan dan kepakaran yang berharga untuk membantu mahkamah dalam membuat penghakiman yang lebih tepat dan berkesan. Sebagai contoh, pakar psikologi membantu hakim memahami bagaimana faktor seperti memori, persepsi, dan bias kognitif boleh mempengaruhi kebolehpercayaan dan ketepatan keterangan saksi serta tafsiran pada bukti yang dikemukakan di mahkamah. Pakar psikologi juga membantu dengan memberikan laporan pakar mengenai keadaan keluarga, risiko yang ada, dan cadangan tentang penjagaan anak. Tidak terkecuali untuk mengelak hakim bicara daripada bersifat bias ketika membuat keputusan.

Dengan menggabungkan pandangan dan kepakaran ahli psikologi, mahkamah dapat meningkatkan keadilan, ketepatan, dan keberkesanan dalam proses pembuatan keputusan mereka, yang akhirnya membawa kepada hasil yang lebih adil dan saksama untuk semua pihak yang terlibat. (Sternlight & Robbennolt, 2015). Ahli psikologi dilatih untuk menjalankan ujian dan wawancara yang dapat memberikan gambaran jelas tentang kebolehan keibubapaan yang ada pada pasangan. Penilaian ini membantu mahkamah untuk memahami risiko yang mungkin dihadapi oleh anak jika dibiarkan dalam penjagaan ibu bapa mereka. (Reder & Lucey, 2016). Laporan-laporan ini boleh menjadi informasi yang sangat berguna dan berpengaruh dalam membantu hakim membuat keputusan. (Gough & Thomas, 2016). Pada masa yang sama, penglibatan pakar psikologi juga dapat memberi sokongan dan kaunseling kepada ibu bapa

untuk mengatasi konflik di antara mereka seterusnya mencipta persekitaran yang lebih positif kepada anak-anak. (Taplin, 2017).

Dalam Mahkamah Syariah Malaysia, dengan mengambil pendekatan sistem *adversarial*, hakim bicara hanya akan memanggil dan mendengar keterangan pakar sekiranya pihak-pihak menampilkan saksi pakar untuk membuktikan kes. Sekiranya tiada, maka mahkamah tidak akan bertindak aktif untuk meminta pihak-pihak membawa saksi pakar bagi membentangkan laporan melainkan isu-isu yang memerlukan pengetahuan khusus yang berada di luar bidang pengkhususan hakim seperti kes yang melibatkan perubatan, forensik, hal-hal saintifik dan kes-kes yang kompleks. Bidangkuasa hakim untuk menggunakan keterangan pakar sebagai rujukan selaras dengan Seksyen 47 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004.

KESIMPULAN

Seksyen 83 Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 menyediakan asas penting dalam menentukan hak penjagaan anak selepas perceraian, dengan memberi penekanan kepada kebajikan dan kepentingan terbaik kanak-kanak sebagai prinsip utama. Namun, tafsiran kepada seksyen ini memerlukan penglibatan hakim bicara yang lebih aktif dan campurtangan yang mendalam agar mahkamah dapat merungkai siapakah yang paling layak untuk diberi hak penjagaan. Kajian ini mencadangkan agar tafsiran undang-undang dan perbicaraan kes-kes *hadhanah* di seluruh Mahkamah Syariah di Malaysia menggunakan kaedah *inquisitorial* dan *applied psychology* bagi mengurangkan konflik yang sering timbul di antara pihak-pihak yang bertelingkah.

RUJUKAN

- Ahmad v. Mariam (2021). Hak Penjagaan Anak Lelaki yang Sudah Mencapai Umur Matang. *Laporan Mahkamah Syariah Perak*.
- Al-Qaradawi, Y. (1999). *Fiqh Al-Maqasid: Al-Maqasid Al-Shariah Al-Islamiah*. Dar Al-Shorouk.
- Bala, N., & Macfarlane, L. (2007). Rethinking Child Custody Disputes: The Inquisitorial Model and the Role of the Family Court. *International Journal of Law, Policy, and the Family*, 21(3), 330–349.
- Bassiouni, M. C. (1982). *Islamic Criminal Justice System*. Oceana Publications.
- Fatimah v. Idris (2018). Kestabilan Kewangan dalam Kes Hak Penjagaan Bersama. *Laporan Kes Mahkamah Syariah Johor*.
- Gough, D. & Thomas, J. (2016). Systematic Reviews of Research in Education: A Review of the Evidence. *Review of Educational Research*, 86(1), 1-39.
- Kamali, M. H. (2008). *Shariah Law: An Introduction*. Oneworld Publications.

- McMahon, C., & Hahlweg, K. (2016). The Role of Expert Witnesses in Child Custody Cases. *Psychology, Public Policy, and Law*, 22(4), 400-409.
- Rahman v. Siti Noor (2019). Isu Kelayakan Ibu dalam Kes Hadhanah. *Laporan Kes Mahkamah Syariah Perak*.
- Reder, P., & Lucey, C. (2016). Assessing Parenting Capacity: The Role of Psychological Assessment. *Child and Family Social Work*, 21(3), 235-243.
- Sternlight, J. R., & Robbennolt, J. K. (2015). *Psychology for Lawyers: Understanding the Human Factors in Negotiation, Litigation, and Decision Making*. American Bar Association.
- Stone, R., & Devenney, J. (2014). *The Modern Law of Contract*. Routledge.
- Taplin, S. (2017). Psychological Reports in Family Law Cases. *Family Court Review*, 55(4), 568-578.
- Taylor, N. J. (2006). Family Law Dispute Resolution and the Family Court in New Zealand: An Inquisitorial Approach. *Child and Family Law Quarterly*, 18(3), 282-307.
- Zain, S. A., Hassan, N. M., & Abdullah, A. H. (2018). Tafsiran Kepentingan Terbaik Anak dalam Kes Hadhanah di Malaysia. *Jurnal Undang-Undang Syariah*, 15(1), 35-49.
- Zulkifli v. Aminah (2020). Kes Hak Penjagaan Anak. *Laporan Mahkamah Syariah Perak*.